

Kolam retak, menanti pecah

BALING – Penduduk di Kupang di sini bimbang kejadian kepala air lebih besar akan berlaku kerana mendakwa masih terdapat beberapa kolam takungan air besar bagi projek durian musang king di atas Gunung Inas.

Penghulu Mukim Kupang, Badrul Hisham Che Li berkata, untuk itu, kerajaan negeri perlu bertindak segera dengan menutup kolam takungan tersebut.

“Ada mendakwa kolam tersebut sudah retak dan menanti pecah. Jika ia pecah, kemusnahan lebih besar akan berlaku.

“Sebelum ia pecah, kerajaan negeri perlu bertindak segera, tidak boleh tunggu lagi kerana ia melibatkan nyawa penduduk di kawasan ini,” katanya ketika ditemui di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Terbuka Kampung Padang Empang di sini semalam.

Menurut beliau, kolam takungan seluas 30 meter x 24 meter dengan kedalaman sembilan meter tersebut dikatakan digunakan untuk mengairi tanaman musangking.

Badrul Hisham turut berharap agar pasir yang dikorek dari dasar Sungai Kupang itu dipindahkan segera ke kawasan lain bagi mengelak ia daripada runtuh dan memasuki semula ke dalam sungai berkenaan.

"Dalam kejadian semalam (kelmarin), pasir yang dikorek menggunakan jentera runtuh semula ke dalam sungai selepas berlaku arus deras ekoran hujan lebat.

"Jika pasir tersebut dibiarkan di tebing sungai, ia akan runtuh dan masuk ke dalam sungai, jadi kerja-kerja mengorek pasir itu bagaikan sia-sia," jelasnya.

Semenara itu, penduduk Kampung Padang Empang di sini, Salimin Isa, 50, memberitahu, penduduk di kampung tersebut tidak dapat tidur lena selagi tiada jaminan diberikan kerajaan berhubung kolam takungan berkenaan.

"Jika benar ia (kolam takungan) beri ancaman kepada penduduk, lakukanlah sesuatu sama ada dengan menutup atau mengeringkan air di dalamnya secara berperingkat.

"Sungai di sini juga perlu didalamkan dengan seberapa segera. Tindakan perlu cepat, tidak boleh berlengah lagi," ujarnya.